

FABER

UNTUK KEGUNAAN KOMERSIL

Pembersih
Vakum Tugas
Berat dengan
soket atas
tambahan.

Soket atas tambahan



→ JENAYAH

(FOTO BERNAMA)



Mohd Sakri menunjukkan barang rampasan pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Datuk dalang sindiket along antara 35 ditahan

➔ Serbuan
di 11 lokasi
hasil laporan
babit kerugian
RM1.6 juta

Oleh Siti Azila Alias
sitiiazila@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seorang lelaki bergelar 'Datuk' yang mendalangi sindiket along antara 35 ditahan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman dalam serbuan di 11 lokasi Kedah, Johor, Melaka dan ibu negara, berakhir semalam.

Serbuan bermula 21 Ogos lalu itu dilakukan hasil maklumat dan risikan, susulan 18 laporan yang diterima daripada mangsa di seluruh negara membatik kerugian RM1.6 juta.

Timbalan Pengarah (Risikan/Operasi) JSJK Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohd Sakri Ariffin, berkata semua suspek, termasuk lapan wanita ber-

usia 15 tahun hingga 44 tahun itu menganggotai dua sindiket berbeza, namun menjalankan kegiatan sama iaitu menawarkan pinjaman wang tanpa lesen kepada orang awam.

Katanya, selain pinjaman, sindiket yang aktif sejak dua tahun lalu itu turut dikesan menjalankan kegiatan penipuan pinjaman tidak wujud.

Modus operandi

"Daripada 11 lokasi diserbu, empat adalah rumah dijadikan pusat operasi iaitu dua di ibu negara dan masing-masing satu di Johor dan Melaka.

"Tangkapan ke atas Datuk berusia 40 tahun itu dibuat di Johor. Bagaimanapun, siasatan masih dilakukan sama ada suspek mempunyai pekerjaan lain," katanya pada sidang media di Menara 298 Jalan Tun Razak di sini, semalam.

Mohd Sakri berkata, dalam serbuan itu, pihaknya turut merampas 70 unit telefon bimbit; 34 keping kad ATM pelbagai bank; enam buah komputer dan komputer riba; 10 keping cek; empat buku bank; pelbagai dokumen; wang tunai RM1,393 serta 14 buah kenderaan yang digunakan sus-

pek bagi menjalankan kegiatan mereka.

Katanya, modus operandi digunakan suspek adalah dengan mengedarkan risalah di media sosial atau menampilkan iklan secara haram di lokasi tertentu.

"Mangsa yang ingin membuat pinjaman pula akan dikenakan syarat ketat dengan memotong 10 peratus daripada jumlah dipinjam, manakala faedah dikenakan pula antara 10 peratus hingga 15 peratus dan perlu dibayar dalam tempoh dua minggu.

"Jika gagal membuat bayaran balik, sindiket akan mengganggu mangsa, termasuk membalas cat selain mengugut untuk mencederakan mereka," katanya.

Beliau berkata, semua tangkapan direman empat hari bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 5(2) dan Seksyen 29AA Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 serta Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana mempu.

Selain itu, suspek juga akan dikenakan tindakan mengikut Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959, Seksyen 427 dan Seksyen 506 Kanun Keseksan, bergantung pada hasil siasatan.